

# Sasar pasaran negara Islam

Bio Integrasi Sdn Bhd  
hasilkan lampin pakai  
buang, tuala wanita  
halal pertama di dunia

Oleh NOOR AZURA SAHRIL

Tuntutan halalan toy-yiban bukan hanya tertakluk kepada makanan dan minuman semata-mata malah ia juga melibatkan pelbagai produk lain yang digunakan dalam kehidupan harian.

Ini kerana konsep halal itu menekankan kebersihan, keselamatan dan kualiti yang memberikan pengguna berasa selesa, selamat dan bersih.

Selain itu, produk halal juga dijamin bebas daripada bahan kimia yang dilarang tambahan pula jika ia memudaratkan penggunaannya.

Menyedari akan hal itu, Bio Integrasi Sdn Bhd tampil menghasilkan produk lampin pakai buang bayi dan tuala wanita halal yang pertama di dunia menggunakan jenama Bae Bae dan Flowra.

Pegawai Eksekutif Bio Integrasi Sdn Bhd, Datuk Shahrizal Sarip berkata, syarikat mengambil inisiatif menghasilkan produk berkenaan selepas melakukan perbincangan lanjut dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Katanya, idea itu tercetus empat tahun lalu apabila mereka mahu menghasilkan produk keperluan harian yang halal.

Memandangkan ketika itu tiada lagi lampin pakai buang dan tuala wanita halal dihasilkan di negara ini, maka idea berkenaan diterima Jakim, katanya.

"Kebanyakan pengguna menekankan kualiti produk tanpa mengetahui sama ada sumber produk itu adalah halal atau sebaliknya.

"Ia memakan masa sebelum dapat direalisasikan kerana memerlukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta maklum balas daripada banyak pihak," katanya kepada *Bisnes Sinar*.

Beliau berkata, pihaknya juga tampil dengan produk berkenaan selepas mendapat maklum balas pelanggan berhubung kebimbangan terhadap produk lampin pakai buang yang tidak

mempunyai status halal.

"Kita sering mendapat maklum balas daripada pengguna tentang kebimbangan mereka terhadap bahan yang digunakan dalam produk seperti lampin pakai buang dan tuala wanita.

"Atas dasar itu, kita tampil dengan produk yang dijamin halal serta selamat digunakan, malah Jakim sendiri telah melawat kilang pembuatan produk ini sebelum memberikan status halal," katanya.

## Bersih dan selamat

Shahrizal berkata, bahan mentah yang digunakan dalam pembuatan Bae Bae dan Flowra diiktiraf sebagai selamat dan halal oleh Jakim.

Menurutnya, Bae Bae direka bagi membolehkan bayi dan kanak-kanak bergerak dengan selesa termasuk bahagian pinggang yang lembut dan nipis.

"Ia juga dilengkapi dengan



Bae Bae direka bagi membolehkan bayi dan kanak-kanak bergerak dengan selesa termasuk bahagian pinggang yang lembut dan nipis.

teknologi tiga dimensi (3D) pada bahagian lapisan dalam lampin yang membolehkannya menyerap lebih banyak cecair selain mengelak kebocoran.

“Malah, Bae Bae turut dilengkapi dengan pengesan bagi menunjukkan sama ada lampin sudah penuh dan perlu ditukar apabila ia bertukar warna hijau,” katanya.

Bagi produk Flowra pula, beliau berkata, ia didatangkan dengan teknologi yang membolehkan penyerapan tanpa kebocoran selain mampu lebih bertahan lama.

“Ia juga lebih ringan berban-

ding jenama lain dalam memberi keselesaan kepada wanita sepanjang hari dan membantu penjagaan sistem dalaman wanita tidak dijangkiti kuman,” katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, kedua-dua produk berkenaan hanya dijual secara dalam talian.

“Memandangkan ia merupakan produk baharu, jadi ia memakan masa untuk berada di pasaran terbuka.

“Namun, syarikat telah melantik pengedar untuk mengedarkannya di kedai dalam tempoh terdekat,” katanya.



Shahrizal (lima dari kiri) dan David menunjukkan Anugerah The BrandLaureate, Word Halal Best Brand Award 2019, kategori Pelanggan Tuala Wanita dan Lampin Pakai Buang Bayi Pelanggan (Consumer Sanitary Napkins & Diapers) dimenangi.